

Belajar tanam pokok: PM

Daripada Rahim Zain

B.H - 3 JUN 1992

LONDON, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, berkata negaraj maju, terutama Eropah sepatutnya belajar menanam pokok, termasuk yang boleh mencegah penyakit seperti di hutan tropika.

Menurutnya, Malaysia sanggup memberibantuan di segi kepakaran. Tindakan itu lebih baik daripada menyekat kemajuan negara Selatan kerana Malaysia tidak sanggup melihat rakyatnya menderita dengan mengorbankan sumber kekayaan semata-mata untuk menanggung kehidupan mewah dunia maju.

Dr Mahathir, berkata masalah alam sekitar yang diperjuangkan oleh negara Utara atau negara maju yang mahukan negara miskin mengikut ke-

hendak mereka, adalah penjajahan carabaru.

"Malaysia bukan secara total bertanggungjawab terhadap masa depan bumi. Banyak faktor lain yang membabitkan Barat tetapi tidak mahu dilakukan. Mereka mahu kita lakukan apa yang mereka tidak mahu lakukan.

"Jika negara miskin terpaksa menanggung penderitaan demi kesenangan negara maju, Sidang Bumi di Rio akan sia-sia," katanya dalam rancangan *Panorama* yang disiarkan melalui BBC1, malam tadi.

Perdana Menteri juga menyifatkan tindak-tanduk negara maju sebagai hipokrit dengan mahu negara Selatan, terutama Malaysia memberhentikan industri balak sedangkan hutan di negara

Eropah sudah habis dite-roka.

"Dimanakah logiknya, negara miskin terpaksa membiayai dan membantu negara kaya yang terus maju dengan menyekat pembangunan demi menjaga kebersihan Bumi akibat pencemaran yang dilakukan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia masih mempunyai hutan yang lebih luas daripada mana-mana negara Eropah dan penerokaan hutan dibuat secara terkawal.

"Malaysia berhak menebangnya. Malaysia juga perlu meneroka hutan untuk kemajuan dan pembangunan. Adalah tidak benar hutan tropika Malaysia menjadi pesaka dunia," katanya.